

Tay Meng Guat & Wong Shia Ho/ Minat pelajar bukan penutur natif terhadap pembelajaran Bahasa Melayu: Satu kajian kes

MINAT PELAJAR BUKAN PENUTUR NATIF TERHADAP PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU: SATU KAJIAN KES

Tay Meng Guat

Jabatan Pengajian Melayu
gracetay59@yahoo.com

Wong Shia Ho

Jabatan PIPK
wsh@ipbl.edu.my

Abstrak

Kebanyakan kajian tentang kelemahan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar lebih cenderung untuk dikaitkan dengan jenis-jenis kesalahan bahasa yang dilakukan oleh mereka (David, 2003). Antara sebab yang dikaitkan dengan kelemahan penguasaan bahasa ialah latar belakang mereka sebagai bukan penutur natif. Jarang sekali dilihat kajian tentang minat pelajar bukan penutur jati tersebut dalam pembelajaran bahasa Melayu di dalam bilik darjah dilakukan. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti minat pelajar bukan penutur natif dalam pembelajaran bahasa Melayu. Responden terdiri daripada pelajar kelas Peralihan, Tingkatan 1 dan 2 di sebuah sekolah menengah di Kuching. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan berdasarkan soal selidik yang ditadbir. Selain itu, kajian ini turut mengemukakan cadangan responden tentang cara-cara yang dapat meningkatkan minat mereka terhadap mata pelajaran bahasa Melayu.

Kata kunci: minat, bukan penutur natif bahasa Melayu, pembelajaran bahasa Melayu, penguasaan bahasa

Abstract

Most of the research done on the poor mastery of the Malay language amongst students was associated with the types of errors they made in using the Malay language (David, 2003). One of the reasons for the poor command of the language is the students' background being non-native speakers. There is hardly any research done on the non-native speaking students' interest in learning the Malay language in the classroom. Therefore, this study is conducted to identify non-native speaking students' interest in learning the Malay language. The respondents comprised students in Transition class, and Form 1 and 2 at a secondary school in Kuching. A survey was conducted using questionnaires. Apart from that, this study also provides the respondents' suggestions on how to increase their interest in learning the Malay language.

Keywords: interest, non-native speaker in Malay language, Malay language learning, language acquisition

PENGENALAN

Bahasa sebagai medium penting dalam proses penyampaian ilmu dan perlu dikuasai dengan mempelajarinya melalui kurikulum yang dirangka. Bagi memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran sesuatu bahasa, aktiviti ini perlu seiring dengan sikap yang positif terhadap bahasa itu sendiri. Sikap positif dan persepsi yang tinggi terhadap sesuatu bahasa juga merupakan faktor penting dalam pelestarian sesuatu bahasa. Dalam kalangan pelajar pula, bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa pengantar di sekolah, bahkan sebagai mata pelajaran wajib. Matlamat pengajaran bahasa Melayu yang menekankan aspek penguasaan dan penggunaan bahasa Melayu yang lebih bermutu dalam kalangan pelajar bertujuan supaya pelajar dapat menggunakan bahasa tersebut untuk mendapatkan ilmu pengetahuan, meningkatkan daya intelek, menguasai kemahiran belajar, dan nilai hidup yang murni.

Pernyataan Masalah

Kedudukan bahasa Melayu (BM) sebagai bahasa pengantar telah termaktub dalam Akta Pelajaran 1961 dan Akta Pendidikan 1996. Akta Pendidikan 1996 juga memperakukan bahawa kemajuan negara dari segi ekonomi, sosial, rohani, moral dan etika perlu dicapai melalui satu sistem pendidikan kebangsaan yang berbahasa pengantar bahasa kebangsaan sebagai pengantar utama serta menggunakan satu bentuk kurikulum dan sistem peperiksaan yang sama. Malah melalui sistem pendidikan ini juga diharapkan dapat memenuhi tuntutan dan aspirasi negara untuk menjadikan Malaysia negara maju sepenuhnya pada tahun 2020.

Memandangkan BM merupakan mata pelajaran yang penting dalam kurikulum pendidikan, maka pelajar seharusnya mempunyai sikap yang positif terhadap pembelajaran BM. Banyak kajian telah dilakukan oleh pengkaji tentang sikap terhadap BM (Abdul Rasid Jamian, 2010; Jerie Peter Langan & Zamri Mahamod, 2011; Sa'adiyah Maalip, 1997; Zaliza Mohamad Nasir & Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2014; Zamri Mahamod & Zarina Othman, 2001; Zulkifly Hamid, Rahim Aman & Karim Harun, 2010). Namun kajian-kajian tersebut merupakan kajian yang bersifat kuantitatif. Kajian-kajian tersebut juga amat kurang berfokus kepada responden bukan penutur natif. Hal ini telah mendorong pengkaji untuk meninjau sikap khususnya aspek minat dalam pembelajaran bahasa dalam kalangan mereka secara kualitatif, dan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh mereka untuk meningkatkan minat dan keberkesanan dari segi pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran. Hal ini secara tidak langsung akan memberikan kesedaran kepada para guru tentang jangkaan mereka terhadap pembelajaran dan pengajaran (PdP) BM. Kajian-kajian lepas ini juga menunjukkan minat positif terhadap BM amatlah penting dalam pembelajaran bahasa. Walau bagaimanapun, minat ini perlulah dipupuk sejak kecil lagi. Bak kata pepatah, "melentur buluh dari rebungunya", maka unsur-unsur yang menjadi penghalang kepada pemupukan minat ini haruslah dikenal pasti untuk dikikis. Oleh itu, kajian ini dilakukan terhadap pelajar sekolah bagi mengenal pasti halangan kepada minat mereka terhadap bahasa Melayu dan harapan mereka terhadap pembelajaran bahasa di sekolah.

Tay Meng Guat & Wong Shia Ho/ Minat pelajar bukan penutur natif terhadap pembelajaran Bahasa Melayu: Satu kajian kes

Objektif Kajian

Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk menjawab persoalan kajian berikut berdasarkan respons pelajar dalam kajian, iaitu:

- Apakah sebab-sebab pelajar minat terhadap pembelajaran BM di sekolah?
- Apakah sebab-sebab pelajar tidak minat terhadap pembelajaran BM di sekolah?
- Apakah cadangan-cadangan pelajar bukan penutur natif bagi meningkatkan minat mereka dalam pembelajaran BM di sekolah?

Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai kepentingan dan berpotensi untuk menjadikan mata pelajaran bahasa Melayu sebagai mata pelajaran yang diminati atau disenangi oleh semua pelajar yang mengikutinya melalui cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh pelajar. Selain itu, kajian ini penting khususnya kepada guru-guru bahasa Melayu di sekolah berkenaan untuk mengetahui minat pelajar terhadap pembelajaran bahasa Melayu dan sebab-sebabnya serta cadangan-cadangan yang berkaitan. Seterusnya para guru bahasa Melayu tersebut boleh menyusun strategi yang tepat dan menarik dalam pengajaran dan pembelajaran mereka.

TINJAUAN LITERATUR

Penguasaan bahasa pertama dan kedua amatlah berbeza. Penguasaan bahasa pertama adalah melalui pemerolehan, iaitu proses semula jadi yang melibatkan keadaan mental itu berada pada situasi yang tidak sedar dan tidak dirancang seperti cara bayi memperoleh bahasa ibundanya. Penguasaan bahasa kedua pula diperoleh dalam bentuk pembelajaran bahasa baharu yang dirancang dengan proses yang sengaja sifatnya. Oleh itu dorongan atau rangsangan dan sikap positif adalah perlu. Ahli-ahli bahasa (Berwick, 1985; Chomsky, 1991; Crain, 1992; Fletcher & MacWhinney, 1995; Gleason, 1993; Pinker, 1994) banyak yang bersetuju dengan pendapat-pendapat ini.

Mengikut *Teori Casual Attributional*, perbezaan persekitaran dan faktor personal seperti pengetahuan, kepercayaan terdahulu serta perbezaan individu dapat mempengaruhi persepsi seseorang untuk berjaya dan sikapnya terhadap pembelajaran (Kamarudin Husin, 1988). Oleh itu, kepelbagaian latar belakang pelajar dijangka dapat mempengaruhi sikap terhadap bahasa dan pembelajaran bahasa di sekolah. Dalam pembelajaran bahasa kedua, sikap banyak mempengaruhi pelajar ketika mempelajari dan menguasainya dengan cepat (Zamri Mahamod, 2005). Faktor diri sendiri merupakan faktor yang paling mempengaruhi seseorang untuk mempelajari sesuatu bahasa. Jika pelajar itu memiliki sikap yang positif seperti kesedaran tentang pentingnya bahasa yang dipelajarinya, maka dia akan cuba menguasai bahasa tersebut dengan pelbagai cara. Para pelajar yang mempunyai sikap yang positif, bersedia untuk belajar dan bermotivasi tinggi akan berjaya menguasai bahasa sasaran dan begitulah sebaliknya (Kamarudin Husin, 1988).

Nor Hashimah Jalaluddin, Junaini Kasdan dan Zaharani Ahmad (2010) dalam kajian "sosiokognitif pelajar remaja terhadap bahasa Melayu" telah mengkaji sikap dan persepsi terhadap BM dan melihat pertalian antara latar belakang sosial pelajar

Tay Meng Guat & Wong Shia Ho/ Minat pelajar bukan penutur natif terhadap pembelajaran Bahasa Melayu: Satu kajian kes

remaja khususnya dari segi perbezaan jantina, kaum/etnik dan aliran kelas kognisi mereka terhadap BM dengan melibatkan 1500 orang pelajar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa hampir 80 peratus (%) mereka bersikap positif terhadap BM. Kajian juga mendapati bahawa hanya 29.9% mempunyai persepsi yang tinggi terhadap BM. Dibuktikan bahawa kognisi pelajar terhadap BM mempunyai perkaitan yang signifikan dengan faktor sosial yang melatarbelakangi mereka. Persepsi yang tinggi dan sikap yang positif terhadap BM perlu dipupuk agar pelajar tetap yakin akan kemampuan BM.

Zaliza Mohamad Nasir dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2014) pula mengkaji sikap dan motivasi pelajar asing yang mempelajari BM sebagai bahasa ketiga. Kajian yang melibatkan 16 orang responden dengan data diperoleh melalui borang soal selidik telah dianalisis berasaskan deskriptif asas, iaitu melihat peratusan sahaja. Dapatan kajian mereka membuktikan bahawa responden mempunyai sikap yang positif dan motivasi yang tinggi ketika mempelajari BM. Kajian ini membuktikan bahawa tenaga pengajar menjadi motivasi kepada responden untuk mempelajari bahasa Melayu. Pelajar mendapat sikap yang positif dan motivasi yang tinggi untuk mempelajari bahasa Melayu jika mendapat dorongan dan panduan daripada individu berkaitan.

Abdul Hamid Mahmood (2002) menyatakan sikap pelajar yang menganggap bahasa Melayu sebagai mudah kerana digunakan dalam perhubungan seharian telah mempengaruhi ketidakcekapan berbahasa khususnya penggunaan bahasa Melayu baku. Mereka beranggapan bahawa mereka boleh menulis bahasa Melayu dengan baik kerana dapat bertutur dengan baik. Hal ini kerana mereka tidak mengetahui bahawa bahasa lisan adalah berbeza dengan bahasa tulisan yang perlu menggunakan bahasa Melayu baku.

KAEDAH KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kajian kes bagi mencapai objektif kajian. Menurut Marohaini Yusoff (2001), kaedah kajian kes mampu untuk mewujudkan batasan dari segi skop, masa, peserta kajian, dan tempat dan dapat memungkinkan sesebuah kajian tersebut dijalankan secara mendalam dan menyeluruh. Pernyataan ini selaras dengan pendapat Chua (2006) bahawa kajian kes sesuai digunakan untuk mengumpulkan maklumat secara mendalam mengenai tingkah laku individu dan keadaan sosial untuk mengetahui cara tingkah laku individu atau perubahan sosial tersebut berlaku. Kajian ini lebih merupakan kajian kes intrinsik, iaitu kajian yang dijalankan kerana didorong oleh minat pengkajian terhadap sesuatu isu dan bukan bertujuan untuk menguji teori, membentuk teori tertentu atau membuat generalisasi tertentu. Memandangkan kajian ini lebih berupa kajian kes jenis deskriptif, kajian ini menghuraikan fenomena tentang sebab-sebab pelajar berminat atau tidak terhadap pembelajaran bahasa Melayu serta saranan-saranan mereka untuk meningkatkan minat mereka dalam pembelajaran subjek tersebut di sekolah.

Sampel

Kajian bersifat tinjauan deskriptif ini melibatkan pelajar bukan penutur natif BM di sebuah sekolah menengah di Kuching, iaitu seramai 16 orang dari kelas

Tay Meng Guat & Wong Shia Ho/ Minat pelajar bukan penutur natif terhadap pembelajaran Bahasa Melayu: Satu kajian kes

Peralihan dan 67 orang dari Tingkatan 1 dan 2. Sampel kajian ini diambil sewaktu pengkaji memberikan kursus motivasi kepada pelajar-pelajar tersebut. Mereka dikenal pasti oleh pihak sekolah sebagai kumpulan yang perlu diberikan motivasi kerana tidak minat akan bahasa Melayu. Soal selidik ditadbir oleh pengkaji selepas kursus motivasi tersebut. Responden dikenal pasti melalui pencapaian dalam bahasa Melayu dan merupakan golongan bukan penutur natif.

Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik ingin mendapatkan maklumat tentang minat pelajar bukan penutur natif terhadap pembelajaran bahasa Melayu. Kajian ini melibatkan penganalisaan borang soal selidik yang dihasilkan oleh penyelidik untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan daripada responden iaitu maklumat yang berkaitan dengan minat dan saranan cara-cara meningkatkan minat terhadap pembelajaran bahasa. Soal selidik yang digunakan mengandungi dua bahagian: Bahagian A berkaitan dengan minat pelajar terhadap pembelajaran bahasa Melayu sama ada minat atau tidak serta sebab-sebabnya dan Bahagian B berkaitan dengan saranan cara-cara meningkatkan minat terhadap subjek bahasa Melayu. Untuk memastikan pelajar dapat mengemukakan idea dengan tepat, soal selidik telah diterjemah ke dalam bahasa responden dan responden digalakkan menulis respons dalam bahasa mereka.

Analisis Data

Kajian kualitatif ini dijalankan melalui kaedah analisis kandungan. Data kualitatif daripada Bahagian A dan B dianalisis dan dikategorikan mengikut cara yang disarankan oleh Ritchie dan Spencer (1994). Cara ini melibatkan langkah-langkah berikut iaitu pengkaji akan: (i) membaca semua respons pelajar yang dikutip kembali, (ii) membaca semula respons pelajar sambil mengenal pasti kategori-kategori yang mengulang, (iii) menentukan kategori-kategori data yang ada, (iv) membina jadual kategori-kategori yang telah dikenal pasti, (v) memurnikan atau menyatukan kategori-kategori, dan (vi) menyemak dan mengkod semula respons pelajar mengikut jadual kategori yang telah dibina. Semua langkah ini dilakukan oleh pengkaji sendiri secara manual dan disemak oleh rakan pengkaji untuk meminimumkan kesilapan proses pengkodan.

DAPATAN KAJIAN

Sebab-sebab pelajar Kelas Peralihan minat terhadap pembelajaran BM di sekolah

Dapatan daripada respons pelajar dianalisis dan dikategorikan ke dalam aspek-aspek yang sesuai seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1. Berdasarkan analisis respons pelajar sebenarnya terdapat kalangan pelajar yang amat sedar tentang kepentingan BM dalam kehidupan sosial mereka seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Pelajar sedar bahawa BM mempunyai nilai ekonomi yang tinggi dalam konteks di Malaysia. Sebab ini merupakan sebab utama pelajar meminati BM iaitu meliputi sebanyak 26.32% daripada sebab-sebab yang dikemukakan oleh pelajar selain sebab-sebab seperti BM ialah Bahasa Kebangsaan (15.79%), dan dengan memahami BM akan memudahkan mereka untuk memahami budaya lain (15.79%) khususnya budaya orang Melayu. Antara respons yang diberi oleh pelajar ialah "BM sangat penting", "BM ialah bahasa kebangsaan", dan "mudah untuk berbual dan buat kerja kumpulan dengan kawan Melayu". Selain itu, dengan mempelajari BM

Tay Meng Guat & Wong Shia Ho/ Minat pelajar bukan penutur natif terhadap pembelajaran Bahasa Melayu: Satu kajian kes

mereka akan mudah untuk berkomunikasi dengan orang-orang lain dan dapat membaiki mutu penguasaan BM (Jadual 1). Namun kekerapan respons ini hanya meliputi bilangan yang kecil peratusannya. Antara komen yang diberi oleh responden ialah “saya minat kerana boleh bercakap dengan orang Melayu dan cikgu Melayu”, dan “saya boleh dapat kawan Melayu dan bermain”. Pelajar juga mengakui bahawa terdapat sesetengah bahagian kandungan atau isi pelajaran adalah mudah untuk diikuti dan mereka berasa seronok untuk mengikutinya.

Jadual 1

Kategori, bilangan dan peratusan respons pelajar Kelas Peralihan tentang minat terhadap pembelajaran BM (N = 16)

Sebab Minat			
No.	Kategori Respons	Bilangan	Peratusan
1	Mempunyai nilai ekonomi	5	26.32
2	BM sebagai Bahasa Kebangsaan	3	15.79
3	Memahami budaya lain	3	15.79
4	Sesetengah bahagian mudah difahami	3	15.79
5	Mudah berkomunikasi	2	10.52
6	Boleh membaiki bahasa/ menambah ilmu	2	10.52
7	Seronok	1	5.27
Sebab Tidak Minat			
No.	Kategori Respons	Bilangan	Peratusan
1	Tidak faham akan isi pelajaran	10	34.48
2	Sukar dipelajari	7	24.14
3	Mata pelajaran yang bosan	3	10.34
4	Penulisan karangan sukar	3	10.34
5	Tidak ada kosa kata yang cukup	3	10.34
6	Struktur BM berbeza dengan Bahasa Cina	3	10.34

Sebab-sebab pelajar Kelas Peralihan tidak minat terhadap pembelajaran BM di sekolah

Bagi pelajar daripada kelas Peralihan, antara sebab pelajar tidak minat terhadap pembelajaran BM adalah tidak faham, mata pelajaran BM dianggap sebagai subjek yang sukar dipelajari, BM dianggap sebagai subjek yang bosan/ tidak menarik, struktur BM berbeza dengan struktur Bahasa Cina, penulisan karangan BM dianggap sukar dan tiada kosa kata yang cukup. Berdasarkan komen-komen yang diberikan oleh pelajar, komen-komen tersebut dapat dikelompokkan kepada enam kategori seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Kategori “Tidak faham akan isi pelajaran” merupakan kategori yang paling tinggi peratusannya iaitu 34.48% berbanding dengan kategori “Sukar dipelajari” sebanyak 24.14%, dan kategori “Mata pelajaran yang bosan”, “Penulisan karangan sukar”, “Tidak ada kosa kata yang cukup” dan “Struktur BM berbeza dengan bahasa Cina” yang masing-masing meliputi sebanyak 10.34% (Jadual 1). Antara komen yang diberi ialah “tidak faham”, “banyak sangat peribahasa kena hafal”, “kosa kata susah difaham”, “BM tidak sama B Cina”, “tidak faham dan *boring*”, “tuliskan karangan susah kerana tidak ada kosa kata”, “struktur ayat tidak sama B Cina”, “cikgu tidak buat terjemah ke B Cina”, dan “cikgu tidak faham B Cina”.

Tay Meng Guat & Wong Shia Ho/ Minat pelajar bukan penutur natif terhadap pembelajaran Bahasa Melayu: Satu kajian kes

Sebab-sebab pelajar Tingkatan 1 dan 2 minat terhadap pembelajaran BM di sekolah

Dari segi analisis respons minat pelajar terhadap pembelajaran BM, faktor sosial dan guru merupakan dua sebab utama pelajar berminat terhadap BM. Kedua-dua faktor ini masing-masing menyumbang sebanyak 36.96% (rujuk Jadual 2).

Jadual 2

Kategori, bilangan dan peratusan respons pelajar Tingkatan 1 & 2 tentang minat terhadap pembelajaran BM (N = 67)

Sebab Minat			
No.	Kategori Respons	Bilangan	Peratusan
1	Faktor sosial	17	36.96
2	Faktor guru	17	36.96
3	Seronok	9	19.56
4	Faktor nilai ekonomi	6	13.04
5	Membantu memperbaiki prestasi subjek lain	6	13.04
6	Aktiviti PdP	1	2.18
Sebab Tidak Minat			
No.	Kategori Respons	Bilangan	Peratusan
1	Tidak faham isi pelajaran	27	34.62
2	Mata pelajaran yang bosan	19	24.36
3	Sukar dipelajari	17	21.79
4	Faktor guru	8	10.26
5	Pengaruh keputusan peperiksaan	4	5.13
6	Aktiviti PdP	2	2.56
7	Tekanan ibu bapa	1	1.28

Dengan mempelajari BM, pelajar dapat berkomunikasi dan bergaul dengan kawan, guru dan orang ramai di samping mengetahui dan memahami warisan budaya Melayu. Pelajar juga dapat bergaul dengan kaum Melayu semasa aktiviti berkumpulan. Antara respons pelajar ialah “saya boleh berkomunikasi dengan kawan Melayu”, “boleh bercakap dengan cikgu Melayu”, “boleh berbincang dalam kumpulan” dan “boleh faham kebudayaan Melayu”. Faktor guru juga mendorong minat pelajar untuk mengikuti pembelajaran BM. Respons pelajar menunjukkan bahawa mereka berminat dengan guru yang berpersonaliti positif dan *sporting*, serta dapat memberikan penerangan yang jelas semasa sesi PdP. Respons pelajar menunjukkan bahawa mereka akan berminat jika wujud keseronokan dalam PdP, aktiviti yang menarik, mendapat keputusan yang baik dan faham tentang perkara yang disampaikan (19.56%). Komen-komen yang diberikan ialah seperti “cikgu yang *sporting* mengajar BM seronok belajar”, “cikgu mengajar dengan memberi penerangan yang jelas”, “seronok belajar kalau aktiviti kelas menarik” dan “saya minat belajar kalau faham”. Selain itu, respons bahawa mereka berminat terhadap BM atas sebab nilai ekonomi BM (13.04%). Pelajar menyedari kepentingan subjek BM sebagai subjek wajib lulus dalam peperiksaan awam, berguna untuk masa depan, memudahkan mereka mendapat pekerjaan, membantu meningkatkan prestasi subjek lain (13.04%) kerana bahasa pengantar subjek lain ialah BM. Antara komen mereka ialah “senang dapat kerja kalau BM lulus”, “Exam sekolah mesti lulus BM” dan “BM penting untuk masa depan nanti”. Oleh itu pelajar yang mahir

Tay Meng Guat & Wong Shia Ho/ Minat pelajar bukan penutur natif terhadap pembelajaran Bahasa Melayu: Satu kajian kes

dan fasih dalam BM akan mempunyai nilai tambah apabila berhadapan dengan pembelajaran subjek-subjek lain.

Sebab-sebab pelajar Tingkatan 1 dan 2 tidak minat terhadap pembelajaran BM di sekolah

Bagi pelajar Tingkatan 1 dan 2, sebab utama yang menjadi penghalang terhadap minat responden ialah faktor kesukaran memahami isi pelajaran subjek BM. Kategori "Tidak faham isi pelajaran" dan "Sukar dipelajari" masing-masing menyumbang sebanyak 34.62% dan 21.79% sebab pelajar tidak minat terhadap subjek BM seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2. Majoriti responden menyatakan bahawa mereka boleh membaca atau bertutur tetapi tidak faham akan makna teks yang dibaca. Mereka juga gagal menguasai aspek tatabahasa BM. Berikutan dengan ini, mata pelajaran BM dianggap sebagai satu mata pelajaran yang membosankan (24.30%). Pelajar merungut terlalu banyak perkara yang perlu dihafal termasuklah peribahasa dan kosa kata. Respons pelajar berpendapat penggunaan kosa kata yang mengikut situasi atau konteks menyukarkan pembelajaran mata pelajaran tersebut. Keadaan ini bertambah buruk kerana pelajar tidak biasa dengan perbendaharaan kata BM. Faktor-faktor ini menyebabkan BM dianggap sebagai subjek yang sukar dipelajari oleh pelajar (21.79%). Antara aspek yang paling menyukarkan pelajar untuk menguasai subjek ini adalah dari segi kosa kata dan penulisan karangan. Hal ini memang diakui kerana struktur BM berbeza dengan struktur bahasa Cina. Antara komen yang diberi ialah "Saya boleh baca tapi tidak faham maksud apa yang dibaca", "bercakap BM boleh tapi tak faham", "tatabahasa BM susah tidak sama dengan BC", "tatabahasa susah sebab kami tidak faham", "menulis karangan BM susah", "banyak peribahasa dan kosa kata BM kena ingat atau hafal", "tak dapat ingat kosa kata BM" dan "Saya tak faham tatabahasa BM". Respons pelajar menunjukkan bahawa faktor guru (10.26%) juga menyebabkan pelajar tidak berminat terhadap BM seperti guru yang terlalu tegas, suka memberikan *demerit* dan pilih kasih, pengajaran guru terlalu cepat menyebabkan pelajar tidak dapat mengikutinya. Terdapat respons pelajar yang menyatakan bahawa keputusan peperiksaan BM yang tidak baik (5.13%) telah mempengaruhi minat mereka terhadap BM selain aktiviti PdP yang kurang menarik (2.56%) serta tekanan daripada pihak ibu bapa (2.18%). Antara komen yang dikemukakan ialah "guru saya suka beri *demerit*", "guru ajar terlalu cepat", guru garang", "kalau markah peperiksaan rendah, saya tidak minat belajar", "cikgu saya tidak beri galakan", "ibu bapa memberi tekanan" dan "kalau markah rendah tidak ada *mood* untuk belajar".

Cadangan pelajar untuk meningkatkan minat terhadap pembelajaran bahasa Melayu

Dari segi cara meningkatkan minat terhadap pembelajaran BM, analisis respons pelajar Kelas Peralihan menunjukkan bahawa sebahagian besar cadangan pelajar tertumpu kepada pendekatan dan kaedah pengajaran guru. Pelajar mencadangkan pengintegrasian unsur didik hibur, teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dan unsur jenaka agar penyampaian pelajaran lebih menarik dan ceria. Pelajar-pelajar memberi komen-komen seperti "saya suka dan seronok kalau cikgu guna komputer", "kalau ada nyanyi seronok", "cikgu buat aksi sangat seronok", "ada *joke* seronok belajar, dan "cikgu tunjuk gambar dalam komputer senang belajar". Pelajar mencadangkan kaedah pengajaran perlu diubah dan ditambah baik supaya sesi PdP lebih seronok dan bervariasi. Pelajar mencadangkan guru yang mengajarkan

Tay Meng Guat & Wong Shia Ho/ Minat pelajar bukan penutur natif terhadap pembelajaran Bahasa Melayu: Satu kajian kes

BM hendaklah fasih dalam bahasa Cina supaya terjemahan dapat dilakukan jika pelajar tidak faham (rujuk Jadual 3).

Bagi pelajar Tingkatan 1 dan 2 pula, dari segi analisis terhadap cadangan untuk meningkatkan minat terhadap pembelajaran BM, respons pelajar tertumpu kepada aktiviti PdP dan faktor guru. Pelajar mencadangkan aktiviti PdP seperti lawatan ke tempat budaya Melayu, pembelajaran atau aktiviti melalui permainan, pembelajaran luar bilik darjah, membuat projek dan tingkatkan aktiviti dua hala (rujuk Jadual 3).

Jadual 3

Cadangan Pelajar untuk Meningkatkan Minat dalam Pembelajaran BM (N = 83)

No.	Kategori Respons	Bilangan	Peratusan
1	Aktiviti PdP ditambah	26	36.11
2	Guru yang fasih bahasa Cina	13	18.05
3	Kaedah/ teknik PdP ditambah baik	12	16.67
4	Personaliti guru	10	13.89
5	Integrasi TMK, didik hibur/ jenaka	8	11.11
6	Penekanan pengajaran kosa kata	3	4.17

Aktiviti-aktiviti seperti yang dinyatakan akan dapat menarik minat pelajar. Hal ini dapat dilihat melalui komen-komen pelajar seperti “perlu ada aktiviti lawatan ke tempat luar”, “ada kerja projek”, “buat lawatan ke Kampung Budaya”, “ada permainan, cikgu ikut sama” dan “buat aktiviti di luar kelas”. Personaliti guru yang diminati oleh pelajar ialah guru yang empati, bertimbang rasa, jangan terlalu garang, sabar, mesra dan prihatin semasa PdP. Respons pelajar menunjukkan bahawa pelajar mengharapkan guru dapat melakukan terjemahan jika terdapat kosa kata atau frasa yang sukar difahami. Selain itu, guru harus mengubah kaedah/ teknik PdP, jangan hanya bergantung kepada bahan buku teks, mengajarkan sesuatu pelajaran daripada yang mudah kepada yang susah, penerangan guru hendaklah jelas dan menggunakan perkataan yang mudah. Input untuk satu sesi PdP perlulah sesuai, jangan terlalu banyak tanpa menghiraukan sama ada pelajar dapat menerima atau tidak. Antara komen yang diberi ialah “cikgu mesti jangan terlalu garang”, “jangan ajar terlalu laju”, “kalau tidak faham, cikgu boleh terjemah guna BC”, “guru mesti buat aktiviti yang menarik” dan “cikgu jangan hanya baca buku teks sahaja”.

PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Sikap pelajar bukan penutur natif terhadap pembelajaran bahasa Melayu menggambarkan dua perspektif, iaitu pertama, mereka minat dan mempunyai kesungguhan untuk mempelajari bahasa tersebut ekoran daripada kesedaran tentang kepentingan bahasa tersebut dalam konteks di Malaysia yang bukan sahaja sebagai bahasa kebangsaan, malah lebih daripada itu; Kedua, mereka menyatakan kekangan yang dihadapi dalam mempelajari bahasa tersebut berikutan struktur BM berbeza dengan bahasa ibunda mereka. Perbezaan ini membawa kesan sampingan sebagaimana dinyatakan bahawa mereka sukar memahami pelajar bahasa Melayu. Hal ini dibuktikan oleh Weinrich (1948) (dalam Mohd. Daud Yusof, 1984) yang mendapati bahawa gangguan bahasa pertama terhadap bahasa kedua memang berlaku kerana wujudnya faktor-faktor bahasa tersebut. Sikap ini ada pada

Tay Meng Guat & Wong Shia Ho/ Minat pelajar bukan penutur natif terhadap pembelajaran Bahasa Melayu: Satu kajian kes

pelajar kelas peralihan, tingkatan satu dan tingkatan dua. Mereka mengemukakan harapan dan banyak cadangan tentang keinginan mereka tentang pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di sekolah. Mereka menginginkan suasana pembelajaran lebih menyeronokkan dan pendekatan Pembelajaran Luar Bilik Darjah (PLBD) agar pengalaman bahasa dapat dialami dan direalisasikan. Harapan mereka ini selaras dengan pendapat Corder (1974) bahawa proses mempelajari bahasa kedua memerlukan rangsangan yang kuat yang agak berlainan daripada memproses pembelajaran bahasa pertama. Di samping itu, Corder juga berpendapat bahawa pengarang buku teks haruslah menyediakan bahan-bahan yang sesuai yang bakal dimuatkan dalam buku-buku teks.

Selain ini, perubahan kandungan pelajaran bahasa Melayu tanpa mengambil kira latar belakang dan perbezaan individu pelajar umpama "membuat baju tanpa mengukur empunya badan". Hal ini dinyatakan oleh Mohd. Daud Yusof (1984) bahawa PdP bahasa akan lebih berkesan jika guru lebih berpeluang untuk bersedia dengan teknik yang sesuai serta bahan-bahan pengajaran yang telah diindangkan mengikut kesesuaian pelajar. Di samping itu, teknik-teknik pengajaran haruslah disesuaikan dengan bahan pengajaran yang telah dipilih dan diindangkan dengan strategi pembelajaran yang lebih memberangsangkan. Sesungguhnya, pelajar ialah pelanggan dalam pendidikan, penguasaan bahasa Melayu melalui pembelajaran ini amatlah berbeza dengan situasi bahasa ini dikuasai secara pemerolehan. Pelbagai teori mengenai hal ini telah banyak diperkatakan dan disedari oleh ahli linguistik. Sebagai contoh, Jacobvites (1963) (dalam Mohd. Daud Yusof, 1984) menyatakan bahawa pembelajaran bahasa pertama ialah proses menguasai struktur batin sesuatu bahasa. Pembelajaran bahasa kedua merupakan proses menguasai struktur lahiriah bahasa. Pembelajaran bahasa kedua bererti usaha membawa kedua-dua bahasa tersebut (bahasa pertama dan kedua) ke dalam keadaan yang terdekat, maka gangguan akan terjadi.

Sebagai cadangan, kajian lanjutan boleh dibuat dengan melibatkan sampel yang lebih banyak pada masa akan datang untuk memperkukuh dapatan kajian ini. Dapatan kajian tersebut berguna kepada guru-guru BM dalam membantu guru-guru tersebut memahami masalah pelajar. Guru-guru disarankan agar menggunakan strategi pengajaran yang lebih berkesan supaya PdP BM lebih berkesan dan dapat menarik minat pelajar.

RUJUKAN

- Abdul Hamid Mahmood. (2002). *Guru dan bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Media Printext (M).
- Abdul Rasid Jamian. (2010). Permasalahan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina. *Jurnal Malaysian Education Deans' Council*.
- Berwick, R. C. (1985). *The acquisition of syntactic knowledge*. Cambridge, MA: MIT Press.
- Chomsky, N. (1991). Linguistics and cognitive science: Problems and mysteries. In A. Kasher, (Ed.), *The Chomskyan turn*. Cambridge, MA: Blackwell.
- Chua, Y.P. (2006). *Kaedah dan statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan Buku 1*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia).

Tay Meng Guat & Wong Shia Ho/ Minat pelajar bukan penutur natif terhadap pembelajaran Bahasa Melayu: Satu kajian kes

- Corder, S. P. (1974). Perspective on second language acquisition. In Richard, J. C. (Ed.), *Error analysis*. London: Longmans Ground.
- Crains, S. (1992). *Language acquisition in the absence of experience*. Cambridge, MA: Blackwell.
- Fletcher, P., & MacWhinney, B. (Eds.). (1995). *The handbook of child language*. Cambridge, MA: Blackwell.
- Gleason, J. B. (Ed.). (1993). *The development of language* (3rd edition). New York: Macmillan.
- Jerie Peter Langan & Zamri Mahamod. (2011). Sikap dan motivasi murid Iban dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 1 (Mei), 13-25.
- Kamarudin Husin. (1988). *Pedagogi Bahasa*. Petaling Jaya: Siri Pendidikan Longman.
- Marohaini Yusoff (2001). Pertimbangan kritikal dalam pelaksanaan kajian kes secara kualitatif. dalam penyelidikan kualitatif: Pengalaman kerja lapangan kajian. Dalam Marohaini Yusoff. *Penyelidikan Kualitatif* (Ed.), (ms 35-60.)Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd. Daud Yusof. (1984). Teori-teori analisis kesalahan dalam proses penguasaan bahasa. *Jurnal Bewan Bahasa*, 14(1), 279-290.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Junaini Kasdan & Zaharani Ahmad. (2010). Sosiokognitif pelajar remaja terhadap bahasa Melayu. *Journal of Language Studies*, 10(3), 67-87.
- Pinker, S. (1994). *The language instinct*. New York: Morrow.
- Ritchie, J., & Spencer, L. (1994). Qualitative data analysis for applied policy research. In A. Bryman & R. Burgess (Eds.), *Analyzing Qualitative Data*. London: Routledge.
- Sa'adiyah Ma'alip. (1997). Sikap bahasa terhadap bahasa Melayu di kalangan pegawai-pegawai kilang. *Jurnal Dewan Bahasa*, September, 848-854.
- Shaffer, D. E. (2003). Learner perceptions on correcting oral errors and their effectiveness. *The Internet TEFL Journal* 45(7).
- Zaliza Mohamad Nasir & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2014). Sikap dan motivasi terhadap pembelajaran bahasa Melayu. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 134(15 Mei), 408-415.
- Zamri Mahamod. (2005). Strategi pembelajaran bahasa di dalam kelas kepelbagaian pelajar: Kemakmuran bersama dari segi pendidikan. *Prosiding Simposium Indonesia-Malaysia ke-9 (SKIM)*. Sesi VII.9.4, 1-16.
- Zamari Mahamod & Zarina Othman. (2001), Sikap pelajar Cina terhadap Pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Dewan Bahasa*, 2, 40-43.
- Zulkifly Hamid, Rahim Aman & Karim Harun. (2010). Sikap terhadap bahasa Melayu: Satu kajian kes di pantai timur semenanjung. *Jurnal Melayu*, 5, 163-176.